

3.6.2020

KENYATAAN MEDIA
oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

ULU MUDA: MANA LEBIH PENTING - 4.2 JUTA RAKYAT MALAYSIA ATAU 40 SYARIKAT BALAK?

- **Kerajaan Negeri Kedah yang baharu sedang mempertimbangkan untuk membuka semula konsesi pembalakan di Kedah untuk mengelakkan dakwaan tuntutan pampasan daripada 40 syarikat pembalakan.**
- **Walau bagaimanapun, pembalakan di Ulu Muda akan memberikan kesan kepada bekalan air untuk 4.2 juta penduduk yang tinggal di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Rabu, 3.6.2020: Bagi Ulu Muda, Kerajaan Negeri Kedah yang baharu meneliti fakta dan angka dan menetapkan keutamaan yang tepat.

Menurut laporan berita, kerajaan negeri yang baharu ingin membuka semula konsesi pembalakan kerana terdapat (dakwaan) tuntutan pampasan dari 40 syarikat pembalakan.

Namun, pembalakan di Ulu Muda akan menjaskas peranannya sebagai satu-satunya "Kawasan Tadahan Air Wilayah Utara" (NRWCA) bagi 4.2 juta orang di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Kira-kira 70% air mentah Perlis dan 96% air mentah Kedah datang dari Ulu Muda. Sementara, di Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengabstrak lebih 80% air mentah yang diperlukan Pulau Pinang setiap hari dari Sungai Muda; dan kawasan tadahan air untuk Sungai Muda adalah Ulu Muda.

Adalah tidak masuk akal bagi Kerajaan Negeri Kedah yang baharu untuk mengutamakan kepentingan 40 syarikat pembalakan melebihi kesejahteraan 4.2 juta rakyat Malaysia (dan ribuan perniagaan) di 3 negeri.

Perlu diingatkan bahawa 2.2 juta daripada 4.2 juta orang yang akan terjejas teruk berada di Kedah.

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Persekutuan terdahulu membuat keputusan yang tepat untuk “mengharamkan pembalakan” di Ulu Muda. Mereka mengutamakan rakyat melebihi syarikat pembalakan. Ini dipanggil tadbir urus yang baik.

Kini, Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Persekutuan yang baru harus menyokong larangan pembalakan Ulu Muda atas alasan asas ini.

Ulu Muda adalah lebih daripada sekadar hutan hujan. Sebagai kawasan tadahan air terbesar di Utara Malaysia, “nilai sosio ekonomi sebenarnya” adalah jauh lebih tinggi daripada premium pembalakan.

Perlis, Kedah dan Pulau Pinang sangat bergantung pada air hujan yang “ditadah” di Ulu Muda untuk operasi bekalan air setiap hari. Ketika ini, tiada kawasan tadahan air lain yang dapat menggantikan Ulu Muda untuk ketiga-tiga negeri ini.

Dalam hal ini, Ulu Muda adalah sumber sosio ekonomi yang tidak boleh ditukar ganti dan amat diperlukan.

Air mentah dari Ulu Muda membantu memacu ekonomi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Anggaran sumbangan gabungan KDNK dari 3 negeri berjumlah RM150.5 bilion (pada harga semasa) pada tahun 2018*.

Inilah sebab mengapa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sebelum ini bertindak pantas bersama Kerajaan Negeri Kedah ketika itu untuk melarang pembalakan di Ulu Muda pada tahun 2018.

Atas sebab yang sama, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sekarang mesti bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah yang baharu untuk segera melindungi Ulu Muda, dan tidak memusnahkannya.

Justifikasi adalah mudah: Akibat daripada pembalakan di Ulu Muda melampaui kemusnahan alam sekitar. Tanpa air mentah yang mencukupi dari Ulu Muda, paip-paip di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang akan kering. Kesan sosio ekonomi akan menjadi bencana, terutamanya pada ketika kita berjuang melawan Covid-19 dan berusaha untuk pulih dari impak ekonominya.

Tambahan pula, projek-projek Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) berikut** juga banyak bergantung kepada air daripada Ulu Muda:

- PERLIS: Kawasan Perindustrian Lembah Chuping(CVIA), *Superfruits Nucleus Farm* dan *Perlis Inland Port*.
- KEDAH: *Kedah Rubber City*, *Kedah Science and Technology Park*, *Sidam Logistics Aerospace and Manufacturing*, Taman Perindustrian Petrokimia, Kulim Hi Tech Park, perniagaan berasaskan pertanian, *Special Border Economic Zone* di Bukit Kayu Hitam, Pembangunan Pulau Bunting dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim.
- PULAU PINANG: *Manufacturing Test Engineering Hub*, Perniagaan berasaskan pertanian, pembesaran Pelabuhan Pulau Pinang dan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Mata pencarian dan kehidupan 4.2 juta rakyat Malaysia bergantung kepada bekalan air mentah dari hutan tadahan air Ulu Muda.

Terima kasih.

* Department of Statistics, Malaysia (www.dosm.gov.my)

** Northern Corridor Implementation Authority (www.ncer.com.my)

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my